



International Research Journal of Shariah,  
Muamalat and Islam (IRJSMI)

Journal Website: <http://irjsmi.com/>  
eISSN: 2682-8553



**ALLAHYARHAM HASAN BIN MAT SAMAN:  
TOKOH ULAMA KELANTAN**

*ALLAHYARHAM HASAN BIN MAT SAMAN:  
A SCHOLAR OF KELANTAN*

Ahmad Mujahideen bin Haji Yusoff<sup>1</sup>, Huzaini bin Hashim<sup>2</sup>, Abdullah bin Awang Kechik<sup>3</sup>, Mohd Zaki bin Che Deraman<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.  
Email: amy\_mujahid@yahoo.co.in
- <sup>2</sup> Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.  
Email: mstarkb@gmail.com
- <sup>3</sup> Pusat Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.  
Email: adukaputra2012@yahoo.com
- <sup>4</sup> Jabatan al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan.  
Email: mohdzaki@yahoo.com

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.03.2020  
Revised date: 13.05.2020  
Accepted date: 14.05.2020  
Published date: 15.06.2020

**To cite this document:**

Ahmad Mujahideen, H. Y., Huzaini, H., Abdullah, A. K., & Mohd Zaki, C. D. (2020). Allahyarham Hasan Bin Mat Saman: Tokoh Ulama Kelantan. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 2 (4), 104-113.

**DOI:** 10.35631/IRJSMI.24009.

**Abstrak:**

Kemunculan para ulama dianggap sebagai penyambung kepada kesinambungan keilmuan di alam Melayu. Di Pondok Lati, Pasir Mas, Kelantan telah menetap seorang ulama hebat dan insan yang memiliki keistimewaan yang tersendiri iaitu Allahyarham Hasan bin Mat Saman atau lebih masyhur dengan panggilan Pak Chu Hasan Tok Wali. Namun begitu, perihal tokoh ulama ini kurang diketahui umum kerana tidak banyak kajian berkaitan dengan beliau dilakukan. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menjelaskan latar belakang tokoh ulama ini agar lebih dikenali ramai. Artikel ini berbentuk kualitatif sepenuhnya yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisaan data yang melibatkan kaedah kepustakaan dan temu bual. Artikel ini menjelaskan bahawa Allahyarham Hasan bin Mat Saman atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Chu Hasan merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang mempunyai karamah yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan yang mendapat pendidikan daripada Pondok Lati dan Pondok Lubuk Tapah. Beliau menyebarkan ilmu agama di Kelantan dan di Selatan Thai serta banyak memberikan khidmat kepada masyarakat khususnya dalam perubatan Islam dan pernah berkecimpung dalam arena politik dengan menjadi calon dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 1982.

---

**Kata Kunci:**

Ulama, Kelantan, Hasan bin Mat Saman

**Abstract:**

The emergence of the scholars regarded as extensions of the continuity of knowledge in the Malay world. In Pondok Lati, Pasir Mas, Kelantan has settled a great scholar and a man of his own privileges, Allahyarham Hasan bin Mat Saman or more famous by the call of Pak Chu Hasan Tok Wali. However, the character of this scholar is not well known because there is not much research on him. Therefore, this article aims to shed light on the background of this scholar. This article is fully qualitative using data collection and analysis methods involving library and interview methods. This article explains that Allahyarham Hasan bin Mat Saman, better known as Pak Chu Hasan, was a Malay Muslim scholar who have miracles from Pasir Mas, Kelantan, who was educated than Pondok Lati and Pondok Lubuk Tapah. He has spread religious knowledge in Kelantan and in the South of Thailand and has served many people especially in Islamic medicine and was involved in the political arena by becoming a candidate in the 1982 General Election.

**Keywords:**

Scholar, Kelantan, Hasan bin Mat Saman

---

## **Pengenalan**

Peranan para ulama dalam perkembangan Islam khususnya daripada kalangan ulama di rumpun Melayu ini tidak dapat disanggah dan dipertikaikan. Ini kerana semua bentuk kesungguhan dan usaha mereka dalam mencari dan menuntut ilmu serta mendidik telah membawa kepada satu perubahan yang positif kepada masyarakat di rumpun Melayu ini (Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2000).

Kurun ke-20 telah menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh ulama Melayu yang memainkan peranan yang penting dalam perkembangan Islam di Tanah Melayu antaranya Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi (m.1989M), Syeikh Wan Ali bin Abdul Rahman (m.1913M), Dato' Haji Muhammad Nor bin Ibrahim (m.1987M), Syeikh Abdullah bin Basmeih (m.1996M) dan ramai lagi. Kemunculan mereka dianggap sebagai penyambung kepada kesinambungan keilmuan di alam Melayu sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Usaha mereka yang tidak pernah kenal jemu dalam penyebaran Islam telah berjaya membantu meningkatkan tahap kefahaman masyarakat terhadap Islam. Antara usaha mereka yang besar ialah melalui penyebaran ilmu-ilmu agama yang sangat berharga kepada masyarakat yang menjadi sumber rujukan dan panduan kepada masyarakat sehingga ke zaman sekarang (Ahmad Mujahideen Haji Yusoff, 2019).

Sejarah perkembangan Islam di Negeri Kelantan juga berkait rapat dengan perkembangan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan Melayu Kelantan yang telah menyumbang usaha bagi memberikan pengajaran dan kesedaran kepada masyarakat (Shafwan Ismail, 2019). Seiring dengan perkembangan zaman, penyebaran ilmu agama semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Perkembangan yang bermula sejak perluasan agama Islam di Tanah Melayu akhirnya tersebar ke negeri-negeri di Kepulauan Melayu dan Nusantara. Ini telah menggalakkan perkembangan keilmuan di institusi-institusi pendidikan antaranya institusi

pengajian pondok (Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman, 2007). Termasuk dalam perkembangan tersebut ialah seorang tokoh ulama Kelantan yang hebat bahkan lebih masyhur dengan gelaran wali Allah iaitu Allahyarham Hasan bin Mat Saman atau lebih dikenali dengan Pak Chu Hasan Tok Wali.

Pondok Lati, Pasir Mas, Kelantan adalah merupakan sebuah pondok pengajian agama yang masyhur pada satu masa dahulu. Di pondok tersebut, telah menetap seorang insan yang sangat dikenali dengan keperibadiannya oleh penduduk setempat. Nama beliau ialah Hasan bin Mat Saman atau lebih mesra dipanggil dengan panggilan Pak Chu Hasan Tok Wali (Che Samsudin Mohamed Noor, 2004).

Sejak dari kecil lagi, Hasan bin Mat Saman hidup dan membesar dalam suasana ilmu. Beliau sangat rajin menuntut ilmu sehingga beliau menjadi seorang ulama yang masyhur. Beliau telah menyebarkan ilmu yang dimiliki kepada masyarakat setempat dan di Selatan Thai (Md Ramly Mahmood, 2006). Kebiasaannya pada setiap hari Selasa, pondok tersebut dibanjiri oleh ratusan manusia dari seluruh pelusuk tanah air untuk menuntut ilmu daripada beliau. Selain itu, beliau mempunyai kepakaran dalam mengubati penyakit secara Perubatan Islam. Oleh sebab itu, orang ramai yang datang berjumpa dengan beliau untuk mendapatkan rawatan daripada beliau (Abdul Halim Mat Nor, 2019).

Selain itu, Pak Chu Hasan mempunyai keistimewaan dan terkenal dengan mulut masin. Kebiasaan apa yang disebut oleh beliau, perkara tersebut akan berlaku. Maka dengan sebab itulah beliau dihormati oleh masyarakat dan digelar dengan “Tok Wali Hasan” kerana memiliki “karamah” (Rafeah Mamat, 2019). Beliau juga pernah bertanding dan menjadi calon dalam pilihanraya umum tahun 1982. Pada ketika itu, beliau telah menentang Tengku Razalieg Hamzah di Parlimen Ulu Kelantan yang dikenali dengan Parlimen Gua Musang pada waktu sekarang. Beliau telah mewakili Parti Islam Semalaysia (PAS) menentang calon dari Parti Barisan Nasional (BN) (Che Deraman Che Wil, 2019).

### **Latar Belakang Hasan bin Mat Saman**

Hasan bin Mat Saman atau lebih dikenali dengan Pak Chu Hasan merupakan seorang tokoh pendakwah yang disegani ramai. Beliau juga dikenali sebagai seorang pengamal perubatan Islam yang tersohor khususnya dalam kalangan masyarakat Kelantan dan Selatan Thai (Hasan Daud, 2019). Nama sebenar beliau ialah Haji Hasan bin Mat Saman. Beliau dilahirkan di Kampung Padang Jelapang, Lati, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1915 iaitu pada tahun kematian Tok Janggut yang dibunuh oleh penjajah Inggeris (Munah Salleh, 2019).

Manakala bapa beliau bernama Mat Saman bin Awang Kechik. Bapa beliau berasal dari Kampung Sipul, Tok Uban, Pasir Mas, Kelantan. Ibu beliau pula bernama Mek Senik binti Omar yang merupakan seorang wanita berketurunan Siam (Sepiah Yakub, 2019). Hasil perkongsian hidup antara Mat Saman bin Awang Kechik dengan Mek Senik binti Omar, mereka telah dikurniakan seramai tujuh orang cahaya mata iaitu Daud, Hawa, Leha, Aminah, Mariam, Bidah dan Hasan (Kamilah Che Roni, 2019).

Berkeanaan pendidikan di peringkat awal, Pak Chu Hasan bersama adik-beradiknya yang lain dibesarkan dalam suasana serba sederhana. Kedua ibubapa mereka amat tegas dalam soal pendidikan anak-anak khususnya dalam pendidikan agama dan pengajian al-Quran. Malah ibu merekalah yang merupakan guru agama dan mengaji al-Quran pada peringkat awal dari sudut penerimaan ilmu pengajian al-Quran (Abdul Halim Mat Nor, 2019). Pada peringkat awalnya, Pak Chu Hasan lebih mundur ke belakang jika dibandingkan dengan abangnya iaitu Daud. Malah dalam usia 10 tahun, Pak Chu Hasan pernah diejek dan ditampar oleh abangnya Daud

kerana tidak dapat menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Tindakan Daud itu telah membangkitkan kemarahan Pak Chu Hasan terhadap dirinya sendiri. Lalu beliau telah menghantukkan kepalanya ke dinding sehingga berdarah. Keadaan ini hanya disedari oleh ibu beliau iaitu Mek Senik yang baharu selesai menunaikan solat fardu Maghrib pada ketika itu (Munah Salleh, 2019). Namun susulan daripada peristiwa itu, ingatan serta penguasaan Pak Chu Hasan dalam pengajiannya berubah secara mendadak. Beliau mula menguasai dan menyerlah serta dapat mengatasi Daud dalam pengajian al-Quran. Keadaan ini juga merupakan detik permulaan peristiwa pelik dan menimbulkan kehairanan dalam kalangan ahli keluarga Mat Saman (Rafeah Mamat, 2019).

Anak-anak Mat Saman lebih terdedah kepada sistem pendidikan secara tidak rasmi yang dikendalikan oleh bapa mereka sendiri yang lebih menjurus kepada kaedah sara hidup. Melalui sistem pendidikan ini, Pak Chu Hasan dan adik-beradiknya telah diajar cara bekerja dalam pelbagai bidang untuk mendapat sumber rezeki seperti pertanian, perikanan dan penternakan (Hasan Daud, 2019). Sebagai bapa yang berperanan sebagai guru, Mat Saman juga dikenali sebagai seorang yang tegas dan garang dalam mendidik anak-anaknya. Segala arahan dan keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh diingkari. Justeru, sesiapa dalam kalangan adik-beradik Pak Chu Hasan yang tidak mematuhi arahnya adalah dianggap bersalah dan akan menerima hukuman yang setimpal sebagai pengajaran (Abdul Halim Mat Nor, 2019).

Dalam proses pendidikan sara diri, Mat Saman pernah menyuruh Pak Chu Hasan pergi ke hutan mencari kayu-kayan yang lurus bentuknya untuk dijadikan turus pagar. Namun sekembalinya Pak Chu Hasan dari hutan, beliau telah memeranjatkan bapa beliau. Bukan kayu-kayan yang lurus sahaja yang dibawa pulang, malah beliau juga turut mengutip kayu-kayan yang bengkok. Tindakan Pak Chu Hasan ini sekaligus membuatkan Mat Saman meradang serta mengarahkan anaknya supaya membuang kayu-kayan bengkok yang dianggap tidak sesuai untuk dijadikan sebagai turus pagar. Melihat situasi Mat Saman yang naik radang, Pak Chu Hasan segera bertindak menenangkan bapa beliau seraya berkata: “Ayah, masakan semua kayu yang lurus hendak dijadikan turus. Kayu yang bengkok juga boleh digunakan sebagai turus pagar”. Mat Saman tercengang dengan jawapan yang diberikan oleh anak beliau. Dengan jawapan tersebut, beliau juga faham bahawa Pak Chu Hasan sudah mula bertambah matang dalam berfikir dan menguasai selok-belok ilmu sara diri (Hasan Daud, 2019).

Dalam peristiwa lain, semasa menggerap tanah untuk tanaman padi, Pak Chu Hasan sentiasa berzikir dan membaca al-Quran dengan suara yang nyaring. Hal ini amat berbeza sekali jika dibandingkan dengan orang-orang kampung yang sering menyanyikan lagu Mak Yong semasa bekerja di bendang padi. Mereka merasa pelik dengan tingkah laku Pak Chu Hasan itu. Bagi mereka, amalan bertasbih, berzikir dan membaca al-Quran hanya merupakan amalan yang dilakukan di atas sejadah di rumah-rumah, surau-surau dan sebagainya (Sepiah Yakub, 2019).

Manakala berkenaan dengan sistem pendidikan yang diperoleh oleh Pak Chu Hasan sebelum kedatangan kuasa-kuasa penjajah, sistem pendidikan di Tanah Melayu adalah lebih berbentuk tidak rasmi. Sistem pendidikan pada masa itu berasaskan pengajaran al-Quran, tingkah-laku, pengetahuan kerohanian, seni mempertahankan diri, pertanian, perikanan dan pemburuan. Kemudiannya corak pendidikan ini disusuli dengan sistem pendidikan agama yang dikenali sebagai sekolah pondok yang ditubuh dan dikendalikan oleh para ulama silam yang terkenal (Mohd Sukeri Hamid, 2004).

Suasana ini juga tidak terkecuali wujud di Jajahan Pasir Mas. Kewujudan beberapa institusi pondok seperti Pondok Kubang Bemban, Pondok Padang, Pondok Kampung Dangar, Pondok

Lemal, Pondok Batu Tiga, Pondok Tal Tujuh, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Lati, Pondok Aur Cina dan lain-lain berperanan utama dalam membentuk keperibadian muslim yang sejati (Md Ramly Mahmood, 2006). Dalam pada itu, Pak Chu Hasan juga merupakan pelajar pondok. Pondok Lati merupakan pilihan bagi Pak Chu Hasan. Ini kerana pondok tersebut letaknya berdekatan dengan kampungnya iaitu Kampung Padang Jelapang (Rafeah Mamat, 2019).

Pondok Lati diasaskan oleh Tuan Guru Haji Abdullah bin Mat Saman pada tahun 1932 masihi sekembalinya beliau selepas menuntut ilmu di Mekah selama lima tahun (Md Ramly Mahmood, 2006). Pak Chu Hasan merupakan salah seorang penuntut peringkat awal pondok tersebut selepas penubuhannya. Pada masa itu, jumlah pelajar Pondok Lati adalah seramai lebih kurang 100 orang. Mereka datang dari pelbagai pelusuk negeri seperti Pahang, Melaka, Terengganu, Kedah dan sebagainya. Pak Chu Hasan pernah menyatakan bahawa guru beliau iaitu Tuan guru Haji Abdullah Lati adalah seorang yang sangat alim dan beliau sangat mengaguminya (Abdul Halim Mat Nor, 2019).

Selain itu, Pak Chu Hasan juga belajar di Pondok Lubok Tapah, Pasir Mas dengan Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Ayah kepada Tuan Guru Haji Abdullah). Sewaktu beliau menuntut ilmu di pondok tersebut, biasanya beliau berbekalkan nasi dengan sambal, garam dan ulam-ulaman (Munah Salleh, 2019). Di Pondok Lati, Pak Chu Hasan mula mengenali dan berdamping dengan kitab-kitab tadahan seperti kitab Fath al-Mu'in dan Matla' al-Badrain dalam bidang fekah, Minhaj al-'Abidin dan al-Durr al-Thamin dalam bidang tasawuf, Aqidah al-Najin dalam bidang akidah, al-Mutammimah dalam bidang nahu dan soraf, Tafsir al-Nasafi dan Tafsir al-Sawi Syarah Tafsir al-Jalalayn dan sebagainya. Selain daripada Tuan Guru Haji Abdullah, beberapa orang pelajar senior turut berkhidmat sebagai kepala tela'ah (tutor) yang mengajar di situ. Mereka ialah Haji Daud Tok Uban dan Haji Abdul Hamid Pahang (Hasan Daud, 2019). Masa beliau menadah dan mentela'ah kitab pada waktu pagi hingga tengah hari ialah kitab nahu dan soraf iaitu Kitab al-Mutammimah, selepas solat Zohor hingga solat Asar ialah kitab tafsir iaitu Kitab Tafsir al-Nasafi atau Tafsir al-Sawi Syarah Tafsir al-Jalalayn dan selepas solat Maghrib hingga solat Isyak ialah kitab akidah iaitu Aqidat al-Najin dan kitab tasawuf iaitu Minhaj al-'Abidin atau al-Durr al-Thamin (Hydzelan Hashim, 2019).

Pak Chu Hasan memiliki daya ingatan dan pemikiran yang amat tajam dan bernas. Justeru, kaedah beliau menadah kitab adalah berbeza dengan pelajar-pelajar yang lain. Mereka memberi perhatian terhadap setiap sesi menadah kitab dengan Tuan Guru Haji Abdullah dan kepala-kepala tela'ah yang lain. Manakala Pak Chu Hasan pula hanya memberi tumpuan sepenuhnya ketika menadah kitab dengan Tuan Guru Haji Abdullah sahaja. Malah ketika kepala-kepala tela'ah lain yang mengetuai majlis ilmu itu, beliau cuma datang mendengar sambil berbaring di tepi gedut di anjung surau (Rafeah Mamat, 2019).

Pak Chu Hasan menghabiskan zaman mudanya sebagai penuntut pondok sepenuh masa selama 35 tahun iaitu dari tahun 1932 masihi hingga 1967 masihi. Tempoh yang begitu lama beliau belajar di Pondok Lati bukan menjadi ukuran bagi beliau. Apa yang penting bagi beliau hanyalah kematangan dalam penguasaan ilmu serta ganjaran berlipat ganda daripada Allah S.W.T (Hasan Daud, 2019). Meskipun Pak Chu Hasan merupakan pelajar senior, namun beliau tidak pernah mengajar atau menjadi kepala tela'ah di situ. Pak Chu Hasan sentiasa menganggap dirinya kerdil berada dalam keadaan serba kekurangan dari sudut ilmiah dan sentiasa memerlukan bimbingan guru. Sikap rendah diri beliau secara tidak langsung menghalang diri Pak Chu Hasan untuk mengambil alih tempat gurunya bagi tujuan menadah kitab. Bagi Pak Chu Hasan, menjaga amal kebaikan daripada diketahui umum dapat memelihara diri daripada sifat riya' dan takabbur (Abdul Halim Mat Nor, 2019).

Antara kitab yang telah dipelajari oleh Pak Chu Hasan ialah Fath al-Mu'in yang mana kitab ini dikarang oleh Syeikh Zain al-Din bin 'Abd al-'Aziz al-Malibari, al-Kawakib al-Duriyyah yang dikarang oleh Syeikh Muhammad bin Ahmad bin 'Abd al-Bari al-Ahdal, Minhaj al-'Abidin yang dikarang oleh Imam al-Ghazali, al-Durr al-Thamin yang dikarang oleh Syeikh Daud bin Syeikh 'Abd Allah al-Fathani, Aqidah al-Najin yang dikarang oleh Syeikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fathani dan beberapa kitab yang lain lagi (Hasan Daud, 2019). Kitab-kitab ilmiah merupakan sumber rujukan dan inspirasi dalam kehidupan harian Pak Chu Hasan. Lantaran itu juga, beliau tergolong dalam kategori pelajar agama yang dihormati serta berstatus mulia di sisi masyarakat (Hydzelan Hashim, 2006).

Dalam kehidupan sosial pula, masyarakat Islam di Kampung Lati hidup dalam suasana budaya ilmu melalui sistem pendidikan pondok. Melalui sistem pendidikan ini juga, Pak Chu Hasan dididik dan diasuh. Sebagai seorang tokoh ilmuwan yang disegani ramai, Pak Chu Hasan lebih dikenali sebagai seorang ilmuwan yang zuhud. Setiap kali waktu solat berjemaah, beliau tidak pernah menampilkan dirinya sebagai imam solat berjemaah dan hanya muncul sebagai makmum di surau tersebut (Munah Salleh, 2019). Beliau juga tidak pernah menunaikan solat sunat di khalayak ramai. Bagi Pak Chu Hasan, solat sunat lebih afdhal dilakukan di rumah secara sendirian. Namun begitu, Pak Chu Hasan lebih mengutamakan majlis ilmu jika dibandingkan dengan solat-solat sunat. Amalan rutin hariannya ialah solat fardu berjemaah di Balaisah (Masjid) yang mana beliau tidak pernah solat fardu di rumah (Rafeah Mamat, 2019).

Dalam menjalani kehidupan bermasyarakat, Pak Chu Hasan muncul dengan sikap dan penampilan yang serba sederhana mengikut situasi kehidupan di kampung. Dari segi pergaulan harian, beliau bersikap tegas dalam tutur-kata dan mudah dalam segala runding bicara (Che Deraman Che Wil, 2019). Dari segi penampilan diri pula, beliau lebih suka berkain pelikat dan memakai baju. Di mana sahaja Pak Chu Hasan berada, beliau biasanya memakai kain pelikat dan baju kemeja berlengan pendek. Penampilan tersebut merupakan perkara biasa bagi mereka yang mengenali diri Pak Chu Hasan (Munah Salleh, 2019).

Bagi mereka yang tidak mengenali beliau pula akan menganggap penampilan tersebut sebagai satu penampilan yang bersahaja. Namun segala tanggapan dan andaian terhadap diri beliau tidak pernah diendahkan. Bagi beliau, inilah penampilan berpakaian yang paling ringkas, sederhana dan menepati tuntutan syarak yang sesuai dalam kehidupan masyarakat kampung (Hasan Daud, 2019). Dalam pada itu sebagai seorang pelajar agama, Pak Chu Hasan juga tidak menafikan bahawa hak untuk berhias bagi setiap hamba dan makhluk Allah S.W.T dengan kadar kemampuan mereka adalah harus selama mana ia tidak bercanggah dengan tuntutan syarak (Che Deraman Che Wil, 2019).

Pak Chu Hasan tidak sebagaimana para pendakwah lain yang hanya ingin dikelilingi oleh orang-orang Islam yang kuat beramal ibadat di masjid. Beliau muncul dalam masyarakat setempat di merata tempat dengan imej yang serba sederhana (Hydzelan Hashim, 2019). Ekoran daripada simbolik menghimpun kayu-kayu lurus dan bengkok untuk dibuat turus pagar, Pak Chu Hasan mengharungi kehidupannya dan berkhidmat kepada masyarakat tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa. Sebagai wali Allah, kehidupan Pak Chu Hasan tidak pernah lekang daripada perkara-perkara luar biasa. Namun Pak Chu Hasan tidak pernah bermegah dengan karamah kurniaan Allah S.W.T serta sentiasa bersifat dengan rendah diri (Hasan Daud, 2019).

Ketika usia remaja, beliau pernah ditangkap oleh polis yang ditahan di Rumah Pasung Pasir Mas kerana berjalan dengan sebilah keris pinjaman yang diselitkan di pinggang beliau. Sebenarnya keris itu merupakan milik bapa saudara beliau dan beliau ingin memulangkannya kembali. Dalam perjalanan tersebut, beliau telah ditahan oleh anggota polis di Pasar Pasir Mas (Saudah Ahmad, 2019).

Di mana sahaja Pak Chu Hasan berada, rezeki beliau sentiasa baik dan bertambah dengan izin Allah S.W.T. Contohnya apabila pemandu-pemandu kereta sewa melihat Pak Chu Hasan, mereka akan berebut mempelawa Pak Chu Hasan supaya menaiki kereta mereka secara percuma. Ini kerana lazimnya selepas mana-mana kereta yang dinaiki oleh Pak Chu Hassan, rezeki si pemandu akan menjadi semakin murah kerana kereta sewa tersebut akan dinaiki oleh penumpang-penumpang lain tanpa henti (Sepiah Yakub, 2019). Selain itu, beliau amat gemar menabung duit. Bagi tujuan menunaikan ibadah haji di Mekah, duit beliau disimpan dalam akaun simpanan Tabung Haji, cawangan Pasir Mas. Manakala untuk perbelanjaan harian, beliau meletak duit di merata-rata tempat seperti di bawah tempurung, di celah-celah pokok dan sebagainya tetapi tidak ditemui oleh manusia (Kamilah Che Roni, 2019).

Menyedari keadaan karamah luar biasa Pak Chu Hasan, ramai sekali yang ingin berdamping dengan beliau sama ada dengan tujuan baik atau maksiat. Pada sekitar tahun 50-an, terdapat sejenis permainan judi yang berasaskan rangkap pantun dan gambar-gambar serta objek-objek yang akan dipilih oleh kaki judi dengan harapan mereka akan menang. Oleh itu, mereka bertanya kepada Pak Chu Hasan segala apa yang ada kaitan dengan corak perjudian yang mereka ceburi. Apa sahaja yang Pak Chu Hasan sebut atau lafazkan, mereka memperjudikannya walaupun disebut oleh Pak Chu Hasan dengan nada marah. Kemarahan Pak Chu Hasan tidak dipedulikan oleh mereka. Apa yang penting, nombor ataupun objek yang mereka teka akan meraih hadiah kemenangan yang besar dalam permainan judi nombor ekor (Saudah Ahmad, 2019).

Dalam kehidupan harian juga, Pak Chu Hasan dikenali sebagai seorang yang ringan tulang dalam membuat kerja-kerja amal. Di pondok ini juga nama beliau semakin menyerlah dan dikenali ramai sebagai pengamal perubatan Islam. Susulan ini, pondok Pak Chu Hasan sering dikunjungi oleh mereka yang menghadapi pelbagai penyakit dan masalah peribadi (Sepiah Yakub, 2019). Dalam pada itu, mereka juga memberi sedekah (hadiah) kepada Pak Chu Hasan sebagai tanda terima kasih di atas usaha beliau mengubati pelbagai penyakit yang mereka hidapi. Boleh dikatakan Pak Chu Hasan mendapat sedekah wang beribu-ribu ringgit setiap malam. Meskipun begitu, Pak Chu Hasan tidak pernah meminta sedekah daripada sesiapa demi menampung kehidupan beliau (Rafeah Mamat, 2019).

Kaedah perubatan Pak Chu Hasan tidak sebagaimana kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengamal perubatan lain. Pak Chu Hasan bukan sahaja dikunjungi oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam, malah pelbagai bangsa dan anutan agama daripada segenap lapisan masyarakat yang datang mengunjungi beliau (Che Deraman Che Wil, 2019). Beliau hanya menggunakan kalimah Basmalah sahaja semasa meniup air tawar atau ditulis di atas kain putih yang besar dan lebar sebagai azimat. Kemudian kain putih tersebut dipotong mengikut saiz yang lebih kecil dan dibahagikan kepada mereka yang memerlukannya. Bagi Pak Chu Hasan, segala penyakit datangnya daripada Allah S.W.T dan Dia sahaja yang Maha Kuasa menyembuhkan setiap penyakit. Segala penyakit ada ubatnya kecuali ajal maut yang telah ditetapkan oleh Allah S. W. T (Munah Salleh, 2019).

Jika dikaji dari sudut sejarah perubatan, kaedah yang Pak Chu Hasan guna ada persamaan dengan kaedah perubatan yang pernah digunakan oleh Malaikat Jibril A.S ketika Rasulullah S.A.W sakit terkena sihir iaitu sama-sama mengubati pesakit dengan kalimah Basmalah. Dalam peristiwa tersebut, Jibril A.S datang menziarahi Rasulullah S.A.W dengan tujuan untuk menjampi Rasulullah S.A.W dengan kata-katanya: “Dengan nama Allah aku menjampimu” sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis (Mohd Zaki Che Deraman, 2019). Selain daripada kalimah Basmalah, Pak Chu Hasan juga menjampi pesakit beliau dengan berselawat ke atas Rasulullah S.A.W (Munah binti Salleh, 2019).

Sebagai insan soleh, zuhud, rendah diri dan alim, memang tidak sukar bagi Pak Chu Hasan untuk memilih pasangan hidup. Justeru, ramai sekali gadis-gadis yang sanggup dan mahu untuk hidup sebagai isteri Pak Chu Hasan. Meskipun begitu, semuanya bukan jodoh Pak Chu Hasan. Beliau lebih suka hidup membujang hingga ke akhir hayat (Hydzelan Hashim, 2006). Arwah guru beliau iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Lati pernah bertanya kepada beliau: “Hasan kamu tidak mahu bernikah ke? Jawab Pak Chu Hasan secara berseloroh: “Susah kahwin sebab kena jaga anak orang, nanti nikah dalam syurgalah”. Ramai dalam kalangan masyarakat Melayu terutama daripada ahli keluarga beliau sendiri menganggap situasi ini sebagai satu misteri yang tidak dapat diselongkar (Hasan Daud, 2019).

Jawapan yang diberikan oleh beliau tersebut bukanlah bermaksud bahawa beliau menolak perkahwinan sebagai salah satu amalan daripada sunnah Nabi S.A.W, malah jika dirujuk kembali dari sudut Fekah, hukum nikah itu sendiri terbahagi kepada lima hukum iaitu wajib, sunat, makruh, harus dan haram. Justeru, selain daripada nasib serta jodoh pertemuan yang ditentukan oleh Allah S.W.T, Pak Chu Hasan juga yakin dan mampu menjaga dirinya dari segala larangan Allah S.W.T (Hydzelan Hashim, 2006).

Selain itu, Pak Chu Hasan pernah merantau ke Seberang Tanah Siam untuk mengajar ilmu agama (Abdul Halim Mat Nor, 2019). Keinginan untuk ke Seberang Tanah Siam timbul selepas 35 tahun Pak Chu Hasan belajar di Pondok Lati. Keinginan beliau akhirnya menjadi kenyataan apabila Pak Chu Khair dari Kampung Golok Tua sendiri yang datang menjemput beliau ke Seberang Tanah Siam pada sekitar tahun 1967. Pak Chu Khair merupakan antara saudara mara dan mempunyai pertalian persaudaraan dengan Pak Chu Hasan. Beliau juga merupakan seorang ahli perniagaan yang berpengaruh di Kampung Golok Tua. Ekoran beberapa peristiwa dan berita-berita kekaramatan Pak Chu Hasan yang tersebar hingga ke Seberang Tanah Siam telah menarik perhatian masyarakat Melayu di Seberang Tanah Siam yang memanggil Pak Chu Hasan sebagai Tok Wali Hasan (Sepiah Yakub, 2019).

Mulai saat itu, setiap minggu Pak Chu Hasan sentiasa berulang-alik dari Pondok Lati ke Kampung Golok Tua. Pak Chu Hasan hanya berada di Pondok Lati pada malam Selasa bagi memenuhi hajat orang ramai (Rafeah Mamat, 2019). Lantaran itu, Pak Chu Hasan sentiasa menerima sedekah wang beribu-ribu ringgit pada setiap minggu. Adakalanya Pak Chu Hasan pernah menerima sedekah sebanyak RM9000 dalam tempoh satu malam. Begitulah kehidupan Pak Chu Hasan sebagai seorang pendakwah yang berulang-alik setiap minggu dari Kampung Lati ke Kampung Golok Tua hingga ke akhir hayat beliau (Munah Salleh, 2019).

Kehidupan sosial sesebuah masyarakat bergantung kepada budaya, adat dan agama yang mempengaruhi dan mencorakkan pemikiran mereka sama ada untuk maju, mundur atau kekal sebagaimana ada. Lantaran ini, kefahaman serta penghayatan ilmiah yang diterokai oleh Pak Chu Hasan merupakan faktor utama dalam pembentukan peribadi dalam kehidupan sosial



beliau. Justeru, situasi ini dapat dilihat dalam pelbagai aspek reaksi dan sikap beliau dalam konteks hidup bermasyarakat.

Selain daripada akhlak dan pergaulan yang baik sesama manusia dan sentiasa memenuhi hajat orang ramai, Pak Chu Hasan juga bersifat belas kasihan terhadap haiwan. Bagi beliau, haiwan merupakan makhluk ciptaan Allah S.W.T yang perlu dihormati dan dikasihi. Sifat belas kasihan terhadap haiwan dalam jiwa Pak Chu Hasan menyerlah apabila beliau mengejutkan masyarakat Islam dalam satu peristiwa pelupusan lembu yang dijangkiti virus penyakit kuku dan mulut pada sekitar tahun 1978 di kawasan Lubuk Jong, Rantau Panjang, Kelantan.

Dalam peristiwa tersebut, Pak Chu Hasan menghalang para pegawai Veterinar daripada menembak lembu-lembu yang dijangkiti wabak tersebut. Pada tahun itu, lembu dan kerbau di negeri Kelantan diserang wabak penyakit kuku dan mulut secara besar-besaran. Jajahan yang banyak diserang oleh wabak tersebut ialah Jajahan Pasir Mas, Tanah Merah, Tumpat dan Kota Bharu. Jabatan Haiwan Negeri Kelantan mengambil langkah menggali lubang besar dengan menggunakan eskevetor dan menghimpunkan semua lembu dan kerbau di dalam lubang lalu menembaknya. Di sinilah Pak Chu Hasan bangkit dan menentang perlakuan tersebut ke atas haiwan-haiwan itu. Peristiwa ini berlaku di Lubuk Jong, Rantau Panjang, Kelantan kira-kira tiga batu dari rumah beliau. Pak Chu Hasan berdiri di hadapan lubang yang diisi dengan lembu dan kerbau itu dan mencabar: “Kamu tembak aku dulu sebelum kamu tembak lembu-lembu ini”. Pada keesokan hari iaitu hari Jumaat, Pak Chu Hasan telah menyampaikan syarahan selepas selesai Sembahyang Jumaat di Masjid Bandar Pasir Mas. Dalam syarahan beliau, beliau melarang pembunuhan lembu yang telah dilakukan sedemikian rupa. Mulai peristiwa pada hari itu, terhentilah program menembak lembu-lembu yang dijangkiti wabak tersebut. Selepas kejadian itu, tindakan menembak lembu-lembu kerana wabak penyakit kuku dan mulut tidak lagi kedengaran (Che Deraman Che Wil, 2019).

Selain itu, pernah satu hari terdapat seekor kucing datang mendekati Pak Chu Hasan yang sedang makan. Beliau yang pada ketika itu sedang makan nasi dengan berlaukan ikan goreng. Lalu beliau mengambil sebahagian nasi yang sedang dimakan dan menggaulnya dengan ikan yang telah dibuang tulangnya. Perbuatan itu telah dilihat oleh seorang anak saudara beliau lalu ditanya, “Kenapa Pak Chu buang tulang ikan? Kucing itu pandai makan ikan dan mampu untuk memakan isi ikan sahaja tanpa tulangnya”. Lalu beliau menjawab “Kucing pun sama seperti kita, kalau dia makan ikan itu dan tertelan tulang, mesti dia akan rasa sakit, jadi sebab itu Pak Chu buang awal-awal tulangnya supaya kucing itu tidak tertelan tulang ikan” (Sepiah Yakub, 2019).

Sebelum kematian Pak Chu Hasan, walaupun beliau berada dalam keadaan sakit, namun beliau masih mampu dan bersemangat untuk berkhidmat kepada masyarakat. Sesiapa yang bermasalah, beliau akan berusaha menjampi dan berdoa kehadiran Allah S.W.T agar masalah tersebut akan segera terlerai (Munah Salleh, 2019). Pak Chu Hasan mengalami sakit uluran batu yang membesar. Semua saudara-mara beliau mencadangkan agar penyakit itu dibedah di hospital. Namun saranan mereka ditolak oleh Pak Chu Hasan sendiri. Beliau pernah berkata: “Dah memang Allah S.W.T tetapkan kematianku dengan penyakit ini” (Mohd Zaki Che Deraman, 2019).

Dalam masa yang sama walaupun beliau menderita kesakitan, beliau tidak pernah menghampakan harapan orang ramai yang datang mengunjungi beliau dengan pelbagai masalah dan penyakit. Selama enam bulan Pak Chu Hasan menderita dengan penyakit uluran batu tersebut. Sebelum meninggal dunia, Pak Chu Hasan sempat berpesan kepada kaum

keluarga beliau agar tidak diletakkan belandang di atas kubur beliau (Rafeah Mamat, 2019). Akhirnya beliau kembali ke rahmatullah pada hari Jumaat tanggal 6 haribulan September tahun 1985 dalam usia 70 tahun. Jasad beliau disemadikan di bawah sepohon Pokok Bongor di Tanah Perkuburan Islam Kampung Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan (Munah Salleh, 2019).

### Penutup

Kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa Allahyarham Hasan bin Mat Saman atau lebih dikenali dengan Pak Chu Hasan Tok Wali adalah seorang tokoh ulama yang disegani dan dihormati oleh setiap lapisan masyarakat serta mempunyai latar belakang yang unik. Ini kerana, beliau bukan sahaja seorang yang hebat dari segi ilmu dan penyebarannya bahkan memiliki keperibadian yang mulia dan mempunyai banyak keistimewaan antaranya memiliki karamah, mahir dalam perubatan Islam dan pernah menceburkan diri dalam bidang politik tanah air. Maka seharusnya pihak-pihak yang tertentu perlu mengadakan wacana atau seumpama dengannya untuk menjelaskan perkara ini kepada umum agar masyarakat dapat mengenali tokoh ini dan mengambil iktibar daripada beliau. Amat rugi sekiranya ketokohan beliau ini dibiarkan dengan begitu sahaja tanpa disebar luaskan kepada umum.

### Rujukan

- Abdul Halim Mat Nor. (2019, 5 Mac). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Ahmad Mujahideen Haji Yusoff. (2019). *Metodologi Penulisan Dan Takhrij Hadis Dalam Kitab Bersiri 40 Hadis Membudayakan al-Sunnah*. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Che Deraman Che Wil. (2019, 19 Februari). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Che Samsudin Mohamed Noor. (2004). *Pengajian Hadis Di Kelantan: Satu Kajian Di Institusi Pengajian Pondok*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hasan Daud. (2019, 12 Mac). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Hydzelan Hashim. (2006). *Tok Wali Hasan*. Kota Bharu: Futraco Sdn. Bhd.
- Kamilah Che Roni. (2019, 19 Mac). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Md Ramly Mahmood. (2006). *Peranan Pondok Dalam Pendidikan Islam Di Kelantan: Satu Kajian Di Pasir Mas, Kelantan*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Sukeri Hamid (2004). *Institusi Pendidikan Islam Di Kelantan: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perubahan Dari Sistem Pondok Ke Sistem Sekolah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Zaki Che Deraman. (2019, 19 Februari). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Munah Salleh. (2019, 19 Februari). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Nor Azrina @ Nor Azura Ab. Rahman. (2007). *Metodologi Penulisan Hadith Dalam Kitab Mastika Hadith Rasulullah S.A.W. Karangan Syeikh Abdullah Basmeih Dan Kawan-Kawan*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Rafeah Mamat. (2019, 26 Februari). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Saudah Ahmad. (2019, 19 Mac). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Sepiah binti Yakub. (2019, 26 Februari). Latar belakang Hasan Mat Saman (Temu bual).
- Shafwan Ismail. (2019). *Pemikiran Ahmad Ismail Asasi Dalam Bidang Sosial Dan Politik Di Kelantan: Penelitian Terhadap Majalah al-Hikmah*. Tesis Dr. Fal, Pusat Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Wan Mohd Shaghbir Abdullah. (2000). *Wawasan Pemikiran Islam*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.